

**Nilai Tambah Bagi Pelatih Pensyarah Institut Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional  
(PLTV) Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum**

Ahmad bin Esa, Prof. Madya, Dr

Irwan Mahazir bin Ismail

Zurina binti Yasak

Fakulti Pendidikan Teknikal

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

(Tel: 019-7877349/07-4538206/Faks: 07-4541050/Email: ahmad@uthm.edu.my)

Baharom Mohamad, Prof. Madya, Dr

Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Beg Berkunci 2073

88999 Kota Kinabalu, Sabah

(Tel: 08-8320351/Faks: 08-8320268/Email: baharom@ums.edu.my)

**Abstrak**

Kursus Pengurusan Kokurikulum merupakan kursus yang memberi pendedahan kepada pelatih pensyarah UTHM berkaitan ilmu mengurus aktiviti kokurikulum. Satu kajian kes dijalankan untuk mengenal pasti nilai tambah yang diperoleh oleh 15 orang pelatih pensyarah UTHM apabila mengikuti kursus tersebut. Nilai tambah merujuk kepada pembangunan kemahiran insaniah seperti kemahiran etika dan moral, komunikasi dan pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, selain daripada pembangunan kemahiran pengurusan yang memang mereka peroleh menerusi kursus Pengurusan Kokurikulum. Instrumen yang digunakan ialah catatan pelajar menerusi SMS, email dan papan perbincangan di portal e-pembelajaran. Data kualitatif yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan tema-tema yang telah ditetapkan. Adalah dijangka pelatih pensyarah UTHM memberi persepsi yang positif terhadap nilai tambah yang diperoleh seperti bertambah yakin dalam berkomunikasi dan lebih menyedari kepentingan etika dan moral. Cadangan daripada pelajar juga diminta untuk menambah baik reka bentuk kurikulum dan penyampaian kursus Pengurusan Kokurikulum.

## **Pengenalan**

Pengurusan Kokurikulum merupakan kursus yang memberi pendedahan kepada pelatih pensyarah berkaitan ilmu mengurus aktiviti kokurikulum. Terdapat banyak kajian telah dijalankan oleh individu dan organisasi berkaitan pengurusan kurikulum sebagai contoh Ab. Alim Abdul Rahman (2001) telah menjalankan kajian ke atas 897 orang pelajar tingkatan 4 di sepuluh buah sekolah di Kota Bharu. Beliau mendapati wujudnya perbezaan antara tahap penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dengan pencapaian akademik. Dapatan beliau menunjukkan bahawa pelajar yang aktif dalam kokurikulum mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Sebaliknya pelajar yang kurang aktif dalam kokurikulum mempunyai pencapaian akademik yang lebih rendah. Kajian Mohammad Ikhsan (2000) pula bertujuan melihat keberkesanan aktiviti kokurikulum dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia. Kajian melibatkan 218 orang guru pelatih dan 92 orang pensyarah di maktab-maktab Perguruan sekitar Kuala Lumpur. Antara dapatan kajian ialah guru-guru pelatih yang mengikuti aktiviti kokurikulum di maktab telah mendapat kemahiran pengurusan, perancangan dan pelaksanaan. Kemahiran pengurusan meliputi komunikasi lisan, menggunakan masa secara optimum, menggunakan rekod unik mengatasi kelemahan murid, menyimpan rekod murid, menyimpan rekod pengurusan dan mengendalikan resyuarat manakala kemahiran pelaksanaan meliputi membimbing pelajar, mengekalkan tahap disiplin, membimbing kepimpinan murid, menyelia dan mengatasi masalah murid.

Selain daripada itu, Mohd. Lotpi Razali (1997) telah membuat kajian berkaitan dengan kesan aktiviti kokurikulum ke atas peribadi pelajar. Kajian telah dijalankan di empat buah sekolah di tiga daerah negeri Perak yang melibatkan 200 orang pelajar sebagai responden. Dapatan kajian beliau menunjukkan kokurikulum memberi kesan positif kepada pelajar seperti pelajar lebih berdisiplin, bertanggungjawab, bekerjasama, amanah, jujur, dedikasi, berdikari, bermotivasi, berkeyakinan dan berani. Kajian yang dijalankan oleh Mashitah Ghazali (1995), pula mendapati wujud hubungan yang positif antara tahap penglibatan pelajar dengan daya kepimpinan pelajar iaitu penglibatan pelajar yang sangat aktif dalam kegiatan kokurikulum sememangnya dapat mernupuk dan membina daya kepimpinan seseorang pelajar. Kajian tersebut melibatkan 200 orang pelajar di sebuah sekolah di negeri Kedah.

Dapatan kajian yang telah dijalankan Tan Bee Chu, (2001); Yap Poh Moi, (2002) mendapati bahawa prestasi pembelajaran pelajar berkait secara langsung dengan kredibiliti profesionalisme perguruan, kemahiran mengajar, teknik berinteraksi, penerapan nilai-nilai murni dan kemahiran memilih sumber bahan pengajaran di sekolah. Oleh sebab itu, peranan dan fungsi guru tidak semudah seperti yang dijangkakan oleh semua pihak. Veenman (1984) menyatakan guru baru atau guru novis akan mengalami keadaan 'dramatik' dan 'trauma' yang disifatkan sebagai 'kejutan sebenar' atau 'kejutan budaya' apabila berhadapan dengan dunia sebenar. Menurut Yusof Ismail (1988) sistem pendidikan sekarang lebih menumpukan kepada pencapaian akademik dan meminggirkan kegiatan kokurikulum. Hal ini telah menyebabkan suasana pembelajaran menjadi tertekan, iklim sekolah juga tidak seimbang, kurang penglibatan sosial dan

secara tidak langsung menghasilkan masyarakat yang tidak mempunyai sahsiah yang baik dan wujud individu yang lebih suka hidup menyendiri. Namun begitu, pada hari ini kokurikulum dan sukan telah mendapat tempat dalam sistem pendidikan negara kita.

Di luar negara pula berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Charninade (2003), berkaitan kepuasan pelajar daripada kegiatan kokurikulum pada 1995, 1998 dan 1999, mereka telah memperbaiki kualiti aktiviti kokurikulum antaranya daripada segi kepimpinan pelajar. Antara aspek yang diberi penekanan ialah kerja berpasukan, asas komunikasi, pembangunan diri pelajar, perkhidmatan pelanggan, kaunseling kumpulan, kumpulan dinamik, pengurusan stress, kemahiran komunikasi dan pengurusan konflik. Barak dan Maymon (1998) pula telah melaksanakan satu kajian terhadap aktiviti kokurikulum yang melibatkan kerjasama kumpulan berdasarkan projek teknologi iaitu *A hot-air ballon envelop*. Seramai 172 pelajar yang dibahagikan kepada 45 kumpulan telah terlibat dalam kajian tersebut. Antara hasil kajian yang didapati ialah pelajar lebih bermotivasi untuk mencapai matlamat kerana minat yang mendalam, berasa tercabar, melaksanakan kerja yang praktikal, mengendalikan projek yang menarik, perubahan iklim bilik darjah, wujudnya interaksi pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru.

Kajian yang telah dijalankan oleh Russel, Petter Donald and Robert (2000) mendapati penglibatan pelajar dalam kokurikulum di peringkat sekolah menengah dapat membentuk sahsiah diri yang baik disamping dapat mengurangkan kadar jenayah. Dapatan oleh Rose (2000) yang dijalankan di United State disekitar sekolah menengah mendapati pelajar yang bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum selalunya akan menjadi model pelajar dan jarang sekali terlibat dalam kegiatan jenayah. Kajian yang telah dijalankan oleh Kirk (1999) mengenai penglibatan secara aktif melalui kokurikulum seperti sukan membantu individu itu memperoleh pengalaman dan pengetahuan yang berharga berkaitan budaya dan sosial serta mewujudkan sahsiah diri yang baik. Kajian lanjutan yang dijalankan berdasarkan kajian Lave dan Wenger telah dijalankan oleh Kirk (1999) telah mendapati penglibatan pelajar secara praktikal berkaitan aktiviti kokurikulum amat kurang dan menyebabkan pelajar tidak memperoleh pengalaman berkaitan kemahiran bersosial dan kehidupan bermasyarakat.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti kokurikulum boleh membawa manfaat kepada mereka yang mengikutinya. Seperti yang ditegaskan oleh Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002), aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan awal dan segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar. Oleh itu, adalah menjadi harapan kepada pengkaji untuk melanjutkan kajian berkaitan dengan kokurikulum, terutamanya dalam konteks menentukan nilai tambah yang diperolehi oleh pelajar sepanjang mengikuti kursus Pengurusan Kokurikulum ke atas sekumpulan bakal pensyarah politeknik dan melihat kemahiran-kemahiran yang mereka peroleh setelah mengikuti kursus tersebut. Nilai tambah merujuk kepada pembangunan kemahiran insaniah seperti kemahiran etika dan moral, komunikasi dan pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, selain daripada pembangunan

kemahiran pengurusan. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk mendapatkan cadangan bagi meningkatkan kualiti kursus berkenaan.

### **Latar belakang**

Kursus Pengurusan Kokurikulum diperkenalkan kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional iaitu pada semester 1 sesi 2002/2003 . Matlamat utama kursus tersebut ialah melahirkan individu pendidik yang mampu merancang, mengurus, memimpin, mengawal dan menilai aktiviti kokurikulum di politeknik-politeknik seluruh Malaysia. Justifikasi kursus diperkenalkan kerana di politeknik-politeknik kegiatan kokurikulum telahpun diwajibkan kepada pelajar pada penghujung tahun 2000. Selain daripada itu, kursus tersebut juga diperkenalkan ekoran daripada maklum balas daripada satu kajian berkaitan penguasaan kemahiran-kemahiran umum bekas pelajar KUiTIHO yang sedang bertugas di politeknik-politeknik Malaysia (KUiTTTHO, 2001).

Berdasarkan justifikasi tersebut adalah bersesuaian pelajar-pelajar sarjana tersebut yang bakal menjawat jawatan pensyarah di politeknik-politeknik diperkenalkan dengan Kursus Pengurusan kokurikulum. Di samping itu, adalah diharapkan menerusi kursus tersebut, beberapa aspek kemahiran lain dapat dipelajari oleh pelajar untuk membentuk personaliti pendidik yang berketerampilan dan memenuhi tuntutan profesion pendidikan. Ini adalah kerana selain bakal-bakal pensyarah politeknik tersebut didedahkan dengan aspek teori, kursus yang mereka ikuti lebih menjurus kepada latihan praktik dan pada sesi latihan tersebut mereka berpeluang mempelajari beberapa kemahiran tertentu menerusi dua peranan utama yang ditetapkan oleh pensyarah. Peranan pertama, mereka berpeluang memainkan watak ahli jawatankuasa kokurikulum dan peranan kedua, mereka berpeluang memainkan watak ahli dalam kegiatan kokurikulum. Lima jenis kegiatan telah ditetapkan oleh pensyarah untuk dilaksanakan secara simulasi oleh pelajar iaitu kelab, sukan, permainan. Persatuan dan badan beruniform.

Satu kajian berkaitan peningkatan kemahiran pensyarah politeknik telah dijalankan oleh Ahmad Esa dan Jailani Mohd Yunus (2005) di UTHM. Kajian tersebut menunjukkan bakal-bakal pensyarah menunjukkan persepsi yang baik terhadap kursus pengurusan kokurikulum di UTHM. Kemahiran yang dinilai adalah kemahiran merancang, kemahiran mengorganisasi, kemahiran mengurus, kemahiran membuat keputusan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran menangani konflik dan kemahiran mengawal. Dapatan menunjukkan kemahiran yang paling tinggi adalah kemahiran memimpin iaitu (Min 4.08) dan kemahiran yang paling rendah adalah kemahiran mengurus iaitu (3.82). Kemahiran lain ialah komunikasi (4.07), menilai (4.06), menangani konflik (4.06), mengawal (4.05), merancang (3.95) dan mengorganisasi (3.94). Selain itu, dapatan menunjukkan bakal pensyarah tidak mempunyai masalah yang kritikal bagi mengikuti kursus pengurusan kokurikulum di UTHM.

Berdasarkan fakta yang dikemukakan, maka penyelidikan ini dijalankan sebagai satu inisiatif untuk melihat maklum balas pelajar terhadap Kursus Pengurusan Kokurikulum terutamanya dalam konteks kursus tersebut dilaksanakan kepada pelajar peringkat Sarjana di UTHM dan melihat sejauh mana mereka memperoleh kemahiran-kemahiran umum yang dapat membantu mereka apabila berkhidmat di politeknik-politeknik atau institusi pendidikan yang lain di Malaysia. Di samping itu, kajian ini dapat mengenal pasti nilai tambah dan mendapatkan cadangan bagi meningkatkan kualiti kursus berkenaan.

## **Metodologi**

Kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang melibatkan oleh 15 orang pelatih pensyarah UTHM yang mengikuti kursus tersebut pada semester 2 sesi 2009/2010. Kajian ini melibatkan data kualitatif. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan tema-tema yang telah ditetapkan. Data diperoleh menggunakan instrumen maklum balas pelatih pensyarah menerusi SMS, email dan papan perbincangan di portal e-pembelajaran (blackboard 5).

## **Dapatan analisis**

Berdasarkan data yang diperolehi pengkaji mendapati data yang telah dikumpulkan menerusi SMS, email dan papan perbincangan di portal e-pembelajaran memperolehi dapatan yang hampir sama berkaitan kursus pengurusan kokurikulum yang dijalankan. Pengkaji akan menerangkan dapatan ini mengikut tema-tema yang telah ditetapkan.

## **Faedah Pengurusan Kokurikulum**

Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji mendapati pelatih memberi respon bahawa kursus ini membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, pengurusan organisasi mereka. Ini telah diterapkan melalui proses persediaan, pelaksanaan dan menguruskan program iaitu satu elemen dalam kursus pengurusan kokurikulum. Pengkaji mendapati semua pelatih memberi respon yang sama dan ini menunjukkan kursus ini memberi impak yang besar kepada pelatih. Di samping itu kursus ini menerapkan sikap proaktif dan inovatif terhadap pelatih setelah pelatih menjalankan tugas yang diberikan.

## **Tema 1: Komunikasi**

Kajian ini mendapati bahawa responden memberi respon yang positif terhadap kemahiran komunikasi. Data yang diperolehi menunjukkan kursus pengurusan kokurikulum ini telah menerapkan nilai-nilai komunikasi secara praktikal sepanjang menjalankan aktiviti pada kursus pengurusan kokurikulum. Selain itu, kemahiran komunikasi juga menerapkan berkerjasama dan berinteraksi di antara individu.

## **Tema 2: Moral Dan Etika**

Kajian ini mendapati respon yang positif terhadap kursus pengurusan kokurikulum iaitu data menunjukkan responden mendapati kursus ini dapat membentuk sahsiah dan peribadi yang baik dalam diri pelatih. Ini dapat diterapkan melalui etika dan protokol sepanjang pelatih menjalani aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus pengurusan kokurikulum. Di samping itu juga, terdapat responden yang berpendapat bahawa kursus ini melatih mereka menepati dan menguruskan masa dengan berkesan.

## **Tema 3: Pemikiran Kritikal Dan Penyelesaian Masalah**

Dapatan menunjukkan kursus Pengurusan Kokurikulum telah berjaya menerapkan kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal dengan sangat berkesan. Ini dapat dilihat hampir semua respon pelatih memberi respon yang sama terhadap aktiviti yang dijalankan sepanjang mengikuti kursus pengurusan kokurikulum. Nilai ini diterapkan melalui proses perbincangan bagi menentukan perjalanan aktiviti yang dibangunkan dalam kurikulum kursus pengurusan kokurikulum.

## **Cadangan**

Berdasarkan dapatan mengikut ketiga-tiga tema tersebut, pengkaji yakin bahawa kursus pengurusan kokurikulum ini sangat relevan dan sesuai bagi melatih dan menerap nilai-nilai tersebut terhadap pelatih khususnya bagi pelatih pensyarah. Walaupun nilai-nilai tambah berjaya diterapkan dalam kursus pengurusan kokurikulum terdapat cadangan yang mungkin dapat membantu menjadikan kursus pengurusan kokurikulum ini lebih mantap. Cadangan yang dikemukakan adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu reka bentuk kurikulum dan penyampaian.

## **Reka Bentuk Kurikulum**

Dapatan menunjukkan responden mencadangkan agar mempertingkatkan jam kredit bagi kursus ini. Ini adalah kerana kursus ini mempunyai aktiviti yang sangat relevan dan sesuai bagi pelatih pensyarah dan guru. Sekiranya jam kredit ini tidak sesuai pelajar akan mengalami tekanan kognitif dan emosi yang tinggi bagi semester tersebut. Selain itu, motivasi pelajar juga akan jatuh dan pelajar tidak berminat menyertai aktiviti yang dijalankan. Selain itu cadangan lain ada supaya kurikulum kursus ini akan dipertingkatkan mengikut peredaran masa supaya memberi impak yang berkesan dan signifikan untuk diaplikasi oleh pelatih apabila di alam pekerjaan kelak.

## **Penyampaian**

Dapatan menunjukkan responden mencadangkan agar menyediakan nota khas sebagai garis panduan lengkap sepanjang menjalani kursus ini. Responden merasakan kekurangan nota boleh membantutkan proses pembelajaran pelajar.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan kepada analisis data yang dijalankan, jelas menunjukkan bakal-bakal pensyarah yang mengikuti kursus pengurusan kokurikulum di UTHM memperolehi pelbagai faedah yang dapat membantu mereka apabila berada di alam pekerjaan secara sedar atau tidak sedar sepanjang mengikuti kursus pengurusan kokurikulum. Nilai tambah yang dikaji juga menunjukkan kesan yang positif terhadap bakal-bakal pensyarah dan cadangan yang dikemukakan akan membantu pihak UTHM bagi memurnikan pelaksanaan kursus pengurusan kokurikulum di UTHM.

## **Rujukan**

- Ab. Alim Abdul Rahim (2001). "Hubungan antara Tahap Penyertaan Kokurikulum Pelajar, Pencapaian Akademik dan Penghargaan Kendiri." Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Ahmad Esa dan Jailani Mohd Yunus (2005). 'Peningkatan Kemahiran Bakal Pensyarah Politeknik Menerusi Kursus Pengurusan Kokuikulum.' Jurnal Sains Sosial. Jilid 3. Bil 1.
- Barak, M dan Maymon. T. (1998). "Aspects of Teamwork Observed in Technological Task in Junior High Schools." Journal of Technology Education. Vol. 9. N.2. M.s. 1-16.
- Kirk (1999). Developing Physical culture, Physical education and relational analysis, Sport education society 44(2); 35-56
- KUiTTHO (2001). "Laporan Soal Selidik Graduan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dari Sudut Pandangan Pihak Pengurusan Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia." Tidak diterbitkan.
- Mashitah Ghazali (1995). "Kegiatan Kokurikulum di Sekolah Membantu Membina Daya Kepimpinan di Kalangan Pelajar Menengah Atas Kolej Sultan Hamid." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana Sains (Pengurusan).
- Mohammad Ikhsan (2000). "Keberkesanan KomponenAktiviti Kokunkulum dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia di Maktab Perguruan Sekitar Kuala Lumpur: Satu Kajian Awal. Jumal Teknokrat II.M.s. 1-18.

- Mohd. Lotpi Razali (1997). "KesanAktiviti Kokurikulum ke atas Peribadi Pelajar (Satu Kajian di Sekolah Menengah Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak)". Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana Sains (Pengurusan).
- Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). "Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan." Dalam Mohd. *Sofian Omar Fauzee*, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd..
- Rose, L. C. (2000). The **32nd** Phi Delta Kappa/Gallup poll concludes that extra curricular activity must be equal in importance to academic subjects. *Phi Delta Kappan*, 82, 2.
- Tan Bee Chu. (2001) Kesan Faktor-faktor Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral Terhadap Penaakulan Moral dan Empati Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan UKM Bangi
- Veenman, S. (1984) Perceived Problem of Beginning Teacher. *Review of Education Research*. 54(2): 143-178
- Yap Poh Moi. (2002) Kesiediaan Guru-guru Perdagangan terhadap pengajaran Pengajian Keusahawanan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. UKM Bangi
- Yusof Ismail. (1998) Kegiatan Kokurikulum Sukan: Satu pendekatan mengurus. Ipoh; Pustaka Minda